



ديوان بهاس دان ڤوستاك بروني

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

*Syarat dan Peraturan
Penerbitan Buku
Biaya Sendiri*



1. TAFSIRAN

- 1.1 "Penulis" merujuk kepada pemilik manuskrip atau karya yang secara substansif ialah pemegang hak cipta karya.
- 1.2 "Penerbit" merujuk Dewan Bahasa dan Pustaka yang secara substansif ialah institusi yang menawarkan khidmat penerbitan Karya Penulis dan merupakan pemegang hak cipta penerbitan dalam tempoh lima tahun, bermula dari tarikh penerbitan karya.
- 1.3 "Bayaran Khidmat Penerbitan" merujuk bayaran pentadbiran dan pengurusan penerbitan seperti rincian pada bilangan 5.1.
- 1.4 "Kos Cetak" merujuk bayaran bagi mencetak Karya.
- 1.5 "Karya" merujuk manuskrip Penulis yang dihantar kepada Penerbit bagi khidmat penerbitan.

2. PERMULAAN

Syarat-syarat ini boleh dinamakan sebagai peraturan yang mengawal bagi perkhidmatan penerbitan buku umum, ilmiah, sastera dan buku kanak-kanak yang kos cetak dibiayai sendiri oleh Penulis. Penulis juga dikenakan Bayaran Khidmat Penerbitan atas khidmat profesional yang diberikan oleh Penerbit dari segi proses penilaian manuskrip, editorial perbaahan, atur huruf, penyuntingan pruf, penyemakan, reka bentuk hiasan kulit luar dan pengemukaan tawaran sebut harga kepada Pencetak.

3. TANGGUNGJAWAB PENULIS

- 3.1 Penulis menghantar manuskrip untuk dinilai berserta dengan surat permohonan bagi khidmat penerbitan dan kos cetak biaya sendiri kepada Penerbit dan hendaklah ditujukan kepada Pengarah.
- 3.2 Penulis perlu mematuhi syarat-syarat am yang relevan yang tertera dalam manual penerbitan buku. Syarat-syarat am yang tersebut dijadikan sebagai lampiran primer bagi persyaratan ini.
- 3.3 Penulis memiliki hak menyemak pruf pertama dan hiasan kulit luar termasuk dami buku dan mengesahkan bersetuju dengan pruf berkenaan.
- 3.4 Penulis hendaklah menyatakan jumlah naskhah yang perlu dicetak jika Penulis mewakilkan kepada Penerbit untuk pengurusan cetak.
- 3.5 Penulis perlu mendapatkan kebenaran menggunakan logo perayaan sambutan dari Jabatan Perdana Menteri jika penerbitan yang berkenaan disempenakan dengan sambutan ulang tahun yang berkaitan dengan acara kenegaraan.
- 3.6 Penulis perlu memberikan sejumlah naskhah sebagai ihsan dengan rincian:
 - 3.6.1 **Lima (5) naskhah** kepada Penerbit untuk diagihkan kepada staf yang melaksanakan proses penerbitan, dan
 - 3.6.2 **Enam (6) naskhah** lagi diberikan kepada Penerbit untuk diserahkan kepada Unit Penyerahan Bahan (Akta Penyerahan Bahan).

- 3.7 Penulis memiliki tanggungjawab penuh untuk menjawab dan menangani tengkarah undang-undang yang wujud daripada pihak kedua atau ejennya mengenai Hak Cipta Karya.
- 3.8 Penulis ditegah menggunakan logo Penerbit jika menerbitkan ulang karya **selepas tamat tempoh lima (5) tahun** (tarikh dikira mengikut Karya Diterbitkan) hak penerbitan yang dibenarkan.
- 3.9 Penulis perlu mendapatkan kebenaran daripada Penerbit jika Karya yang diterbitkan dibuat perbaikan atau penambahan dalam tempoh lima (5) tahun hak penerbitan yang dibenarkan.
- 3.10 Penulis tidak dibenarkan membatalkan permohonan ini sebaik sahaja khidmat ini dilaksanakan.
- 3.11 Penulis mempunyai hak untuk mempamer, menjual dan memasarkan karya yang telah terbit sama ada di dalam atau di luar negeri bagi menampung kos cetak.
- 3.12 Harga jual ditentukan oleh Penulis sebelum buku dicetak.

4. TANGGUNGJAWAB PENERBIT

- 4.1 Penerbit melalui editor akan menilai karya dan memaklumkan kepada Penulis mengenai keputusan penilaian.
- 4.2 Penerbit hanya menerbitkan Karya Penulis yang lulus penilaian penerbitan.
- 4.3 Penerbit melaksanakan proses pracetak merangkumi proses editorial, penyemakan, atur huruf, reka bentuk hiasan kulit luar, penyematan ISBN dan barcode setelah Penulis melunaskan Bayaran Khidmat Penerbitan.
- 4.4 Penerbit menyerahkan pruf manuskrip pertama dan dami buku kepada Penulis bagi semakan.
- 4.5 Penerbit menyediakan draf spesifikasi tawaran sebut harga untuk diperlihatkan kepada Penulis bagi pengesahan.
- 4.6 Penerbit mengemukakan tawaran sebut harga kepada tiga pencetak. Tawaran sebut harga yang diterima daripada Pencetakan diperlihatkan kepada Penulis untuk dipilih oleh Penulis.
- 4.7 Penerbit hanya menguruskan percetakan buku ke percetakan setelah Penulis melunaskan bayaran yang dikenakan pada perkara yang disenaraikan dalam klausa **Bayaran Khidmat Penerbitan**.
- 4.8 Penerbit menyerahkan salinan liut kepada Penulis setelah semua proses kerja penerbitan selesai.

5. BAYARAN KHIDMAT PENERBITAN

- 5.1 Bayaran Khidmat Penerbitan dikenakan sebanyak \$300.00. Rincian peraturan Bayaran Khidmat Penerbitan berdasarkan khidmat profesional yang diberikan adalah seperti yang berikut:

5.1.1	Penilaian	10%
5.1.2	Editorial / Penyuntingan	40%

- | | |
|--|---|
| <p>5.1.3 Atur Huruf / ISBN / Barcode</p> <p>5.1.4 Penyemakan</p> <p>5.1.5 Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar</p> <p>5.1.6 Penentuan Tawaran Sebut Harga</p> | <p>10%</p> <p>10%</p> <p>20%</p> <p>10%</p> |
|--|---|
- 5.2 Bayaran Khidmat Penerbitan kepada Penerbit hendaklah dibayar penuh sebaik sahaja Penulis menerima makluman rasmi bahawa karya lulus untuk diterbitkan.
- 5.3 Bayaran Khidmat Penerbitan dibayar kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bayaran hendaklah dibuat di Unit Kewangan, Tingkat 4, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.
- 5.4 Sesalinan resit kerajaan hendaklah diserahkan kepada Unit Buku, Bahagian Penerbitan dan Pemasaran untuk direkod.
- 5.5 Bayaran Khidmat Penerbitan yang telah dilunaskan kepada Penerbit tidak akan dikembalikan kepada Penulis.

6. PERCETAKAN DAN PENGHANTARAN

- 6.1 Jika sekiranya Penulis mewakilkan kepada Penerbit untuk pengurusan cetak, Penulis hendaklah menyatakan jumlah naskhah yang perlu dicetak dan memaklumkan kepada Ketua Unit Buku, Bahagian Penerbitan dan Pemasaran secara bertulis.
- 6.2 Penulis bebas menentukan jumlah cetakan buku.
- 6.3 Pengurusan percetakan buku dilaksanakan oleh Penulis sendiri kepada pencetak setelah Penulis berpuas hati dengan sebut harga yang ditawarkan.
- 6.4 Penulis juga mempunyai hak untuk menguruskan percetakan dengan syarikat pencetak di dalam atau di luar negeri.
- 6.5 Buku yang telah siap dicetak akan dihantar oleh Pencetak kepada Penulis. Penulis dimestikan memberi alamat tempat penghantaran buku kepada Pencetak.

7. ROYALTI

Penerbit tidak terikat untuk membayar royalti kepada Penulis berhubung dengan penerbitan karya menggunakan skim ini.



**SYARAT DAN PERATURAN INI TERTAKLUK KEPADA
PERUBAHAN DAN PENYESUAIAN SEMASA. SEBARANG
PERUBAHAN MENGENAINYA ADALAH TIDAK
MENJEJASKAN PERSETUJUAN BERSAMA YANG TELAH
DIBUAT SEBELUMNYA.**

Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Laima Berakas, BB3510
Brunei Darussalam
U.P. : Ketua Bahagian Perancangan Buku
Telefon : +673 2382511 samb. 181 / 186